



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **MAJLIS PERISYTIHARAN DAN SEMINAR WARISAN ASIA PASIFIK SURAT PERSENDIRIAN BAGINDA OMAR**

---

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman telah berkenan mencemar duli berangkat ke **Majlis Perisytiharan dan Seminar Warisan Asia Pasifik** yang berlangsung pada hari ini.

Majlis ini diadakan bagi meraikan pengiktirafan **Koleksi Surat Persendirian Baginda Omar** sebagai dokumen warisan serantau oleh **UNESCO** di bawah **Memory of the World Committee for Asia and the Pacific (MOWCAP)**.

Baginda Omar atau Sultan Omar ibni Sultan Ahmad Shah merupakan Sultan Terengganu ke-IX yang memerintah dari tahun 1839 hingga 1876. Koleksi bersejarah ini mengandungi **56 naskhah surat persendirian bertarikh antara tahun 1848 hingga 1858**, yang telah dikumpul oleh **Syeikh Ulama Tok Ku Tuan Besar Paduka Indera Engku Syed Seri Perdana Engku Muhammad**, seorang tokoh penting dalam sejarah diplomasi negeri Terengganu.

Koleksi surat ini kemudiannya diwarisi oleh keturunannya dan diserahkan kepada Arkib Negara Malaysia oleh warisnya, Engku Wook dan Engku Mohsein, pada awal tahun 1992 untuk disimpan secara kekal. Dokumen bersejarah ini telah diiktiraf sebagai **Warisan Kebangsaan** oleh Jabatan Warisan Negara pada 30 September 2010. Arkib Negara Malaysia telah mengambil langkah proaktif dalam **pemeliharaan, pemuliharaan dan pendigitalan koleksi ini**, termasuk penyimpanan rapi dalam repositori khas di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Pengiktirafan ini menjadi bukti kukuh kepada nilai sejarah dan ketokohan Sultan Omar dalam memperkukuh pentadbiran, memperluas hubungan diplomatik dan meningkatkan perdagangan negeri Terengganu pada abad ke-19. Semasa pemerintahan baginda, hubungan erat telah dijalin dengan Kesultanan Riau-Lingga, Kerajaan Siam, British dan Kerajaan Rattanakosin di Thailand.

Majlis ini turut menyaksikan penganjuran **Seminar Warisan Asia Pasifik** yang berlangsung selama dua (2) hari dan menjadi platform perkongsian ilmu serta perbincangan ilmiah mengenai warisan dokumentasi sejarah. Seminar ini dianjurkan bersama oleh Arkib Negara Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu.

Turut hadir, YB Senator Puan Saraswathy Kandami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara, YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Hj. Abdul Rahman, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia serta kira-kira 500 orang pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), penyelidik, ahli akademik dan sejarawan.

**Kementerian Perpaduan Negara**

17 Jun 2025

KPN.100-9/1/16 (XXX)